

PM perkenal istilah baru

1 SEP 2002

KUALA LUMPUR 20 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memperkenalkan istilah baru iaitu 'Bajet' bagi menggantikan perkataan Belanjawan yang digunakan selama ini untuk memberi gambaran lebih tepat mengenai perancangan keluar masuk wang negara.

Perdana Menteri berkata, perkataan belanjawan adalah tidak tepat, sebaliknya istilah *budget* dalam bahasa Inggeris yang bermaksud perancangan keluar masuk wang untuk urusan tertentu lebih sesuai digunakan.

"Jika diizinkan, saya ingin menggunakan perkataan *budget* dengan ejaan B-A-J-E-T kerana perkataan ini lebih mencerminkan anggaran urusan kewangan negara yang akan saya bentangkan," katanya.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan memperkenalkan perkataan itu ketika memulakan ucapan pembentangan Bajet 2003 di Dewan Rakyat petang ini.

Ucapan cadangan bajet itu merupakan kali ketiga bagi beliau selaku Menteri Kewangan, kali pertama ialah pada tahun 1998 dan disusuli 1999 dan 2002.

Menjelaskan alasan penggunaan perkataan bajet, Perdana Menteri berkata: "Kita kenali anggaran kewangan bagi satu jangka masa dengan nama belanjawan.

"Tetapi kita tentu tahu bahawa kita bukan sahaja membuat anggaran wang yang akan dibelanjakan tetapi juga wang yang akan diperolehi."

Jelas beliau, jumlah wang yang diperolehi akan menentukan jumlah wang yang dapat dibelanjakan.

"Amatlah tidak bijak jika kita buat anggaran jumlah peruntukan yang kita akan belanja tanpa mengambil kira jumlah hasil yang kita akan terima," katanya lagi.

'Bajet' ganti Belanjawan

Menurut Perdana Menteri, bajet yang bijak mengambil kira anggaran kemasukan bagi menentukan anggaran perbelanjaan sesebuah negara.

"Jika tidak, kemungkinan kita akan berbelanja lebih daripada yang kita mampu. Akibatnya, negara akan mufliis.

"Banyak negara di dunia yang berbelanja lebih daripada perolehan hasil mereka, dan banyaklah masalah yang dialami oleh mereka, termasuk kehilangan kebebasan mengurus hal ehwal negara sendiri kerana cengkaman oleh pihak yang memberi hutang kepada mereka," katanya lagi.

Beliau seterusnya memberitahu, kerajaan berhati-hati dalam pengurusan kewangan dan memastikan perbelanjaan dibuat setakat yang mampu dan mengelak daripada meminjam terlalu banyak.

"Seboleh-bolehnya bajet kita mempunyai lebihan atau *surplus*, atau seimbang atau mengalami *deficit* yang kecil sahaja," tambahnya.

Beliau yang memulakan bahagian pendahuluan ucapannya itu dengan menyentuh penggunaan perkataan bajet, Perdana Menteri mengakhiri ucapan dengan menyebut

Keranamu Malaysia iaitu tema Hari Kebangsaan.

Malah beliau memetik sebahagian kandungan sajaknya bertajuk *Perjuangan Yang Belum Selesai*, berbunyi:

Perjuangan kita belum selesai

Kerana hanya yang cekal dan tabah

Dapat membina mercu tanda

Bangsanya yang berjaya.